

Kadar GST kekal selepas PRU-14

BERITA HARIAN 19/4/18 m/s 4

➔ TPM jamin tiada kenaikan, enam peratus cukup tampung tadbir urus negara

Oleh Shaarani Ismail, Mohd Hafizee Mohd Arop dan Razif Rosli
cnews@nstp.com.my

▶ Bagan Datuk

Kerajaan tidak akan menaikkan kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kadar GST enam peratus kekal dan mencukupi untuk menampung tadbir urus negara dan tidak ada keperluan untuk menaikkannya.

Justeru, katanya, tuduhan pihak tertentu kononnya kadar GST akan

dinaikkan semata-mata untuk memupuk sentimen negatif terhadap pentadbiran kerajaan.

"Saya beri jaminan kerajaan tidak ada cadangan naikan kadar GST, malah dengan kadar ini juga sudah mampu untuk mengurus negara dengan baik.

"Jangan percaya khabar angin GST akan dinaikkan, itu cuma cakap kosong dan tidak benar sama sekali, mereka mahu kelirukan pemikiran rakyat," katanya kepada pemberita selepas melawat kilang pemprosesan hasil laut Sen Up Huat di Jalan Tepi Sungai dekat Hutan Melintang di sini.

Ahmad Zahid berkata, GST adalah sumber kewangan yang membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai program, kemudahan asas dan bantuan untuk rakyat.

"Buat masa ini GST mengutip lebih RM40 bilion dan pendapatan ini juga mencukupi untuk melaksanakan semua aku janji yang dibuat Barisan Nasional (BN) pada PRU-14," katanya.

Sudah jangka agenda DAP

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata tindakan DAP meletakkan calon Melayu bertanding di ke-

rusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak bagi mengintai kerusi Menteri Besar jika pembangkang merampas Perak, sudah dijangka.

Katanya, perkara itu sudah dijangka kerana DAP sedar terhadap penolakan orang Melayu terhadap parti cauvinis itu dan langkah meletakkan calon Melayu untuk menarik undi Melayu.

"Tentunya dengan meletakkan seorang pakar undang-undang (dari DAP) tetapi bertanding menggunakan lambang parti lain, ia adalah pengesahan dan agenda mereka kini terserlah.

"Yang akan menjadi mangsa adalah PPBM (Parti Pribumi Bersatu Malaysia), PAN (Parti Amanah Negara) dan PKR kerana sudah hampir pasti kawasan ditandingi DAP yang diletakkan calon Melayu adalah bertujuan mencari tokoh yang dihajati bagi mengetahui kerajaan negeri," katanya.

Beliau mengulas tindakan DAP meletakkan pakar perlembagaan, Prof Dr Abdul Aziz Bari untuk bertanding di DUN Perak.

Mengulas tindakan Pengerusi DAP Perak, Nga Kor Ming akan bertanding di Parlimen Teluk In-

tan, Ahmad Zahid berkata, pengundi dapat menilai perkhidmatan dan pembangunan oleh penyandang Ahli Parlimen kawasan itu, Datuk Seri Mah Siew Keong.

"Siapa pun mewakili DAP, mereka terdiri daripada calon nomad (bertukar kawasan) hampir setiap kali PRU seperti penyandang Ahli Parlimen Taiping (Kor Ming) menawarkan diri untuk bertanding di Parlimen Teluk Intan.

"Mereka tahu Siew Keong anak tempatan dan beri banyak perkhidmatan kepada masyarakat dan membawa pembangunan. Bukan itu saja, beliau juga menteri (Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi) yang mempunyai prestasi terbaik," katanya.

Mengenai pengumuman Presiden Persatuan Seni Silat Gayung Ghaib Malaysia (PSSGGM), Ibrahim Mat Zin, 68, atau lebih dikenali sebagai 'Raja Bomoh Malaysia' untuk bertanding di Parlimen Bagan Datuk sebagai calon Bebas, Ahmad Zahid mengalu-alukan sesiapa saja yang ingin bertanding di Parlimen itu.

"Kita serah kepada pengundi menentukan parti dan individu yang boleh berikan kesinambun-

gan pembangunan dan perkhidmatan terbaik kepada rakyat," katanya.

Hutan Melintang kerusi UMNO?

Ketika berucap sempena lawatan ke Pusat Daerah Mengundi (PDM) Kampung Sungai Keli di sini, Ahmad Zahid memberi bayangan kerusi DUN Hutan Melintang akan diberikan kepada UMNO.

Bagaimanapun, katanya, pengumuman kedudukan agihan bagi kerusi Parlimen dan DUN di Perak bakal diumumkan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, tidak lama lagi.

"Saya telah kemukakan kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) dan Menteri Besar mengenai permintaan kerusi DUN diberi kepada UMNO kerana sebelum ini kerusi itu ditandingi oleh MIC. Ia permintaan daripada Cawangan UMNO di Hutan Melintang supaya kerusi itu (yang diwakili MIC) dipinjamkan kepada UMNO.

"Saya telah membawa permintaan itu kepada Perdana Menteri serta Menteri Besar dan mereka sedang mempertimbangkan sama ada kerusi itu akan ditandingi oleh UMNO atau sebaliknya," katanya.